

. Bekas MB, Asiah terima anugerah

UM T 6 MAY 2000
KUANITAN Isnin - Bekas Menteri Besar Pahang, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman dan Profesor Madya Dr Asiah Sarji, masing-masing menerima Anugerah Belia Lelaki dan Wanita sempena Perhimpunan Hari Belia Negara 2000 di Kompleks Sukan Pahang (Sukpa) di sini, hari ini.

Mereka menerima anugerah itu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada rakan sehingga menerima anugerah ini," katanya.

Sementara itu, Tokoh Belia Wanita, Dr Asiah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), berkata anugerah yang diterimanya diharap dapat dicontohi belia dan tidak menganggap kejayaan sebagai ganjaran.

Selain dua anugerah itu, kategori persatuan dimenangi Persatuan Belia Serdang Jaya, Selangor, Kepimpinan (Khaidir Jamal), Kesukarelaan dan Kemasyarakatan (Auzait Shamsuddin), Inovasi dan Kreatif (Husaini Omar).

Bagi kategori Kemahiran dimenangi Nazuddin Mohd Saib, Keusahawan (Mohd Fitri Mohd Aris), Seni Budaya (Albakri Alias), Pelajar Luar Negara (Kamarul Rashdan Salleh), Agensi Swasta (Syarikat Traktor Sdn Bhd) dan Agensi Kerajaan (Universiti Putra Malaysia (LJPM)).